

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 5 NOVEMBER 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 47

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1223-L33830
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah rancangan siaran RTM yang memberikan lebih 'Air Time kepada etnik minoriti' seperti mana yang telah diumumkan pada 29 Jun 2009.
2. PR-1223-L34672
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai jumlah warga asing yang telah tinggal lebih masa di negara kita dan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Visa Waktu Ketibaan (VOA).
3. PR-1223-L33621
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman PTPK dan langkah yang diambil bagi mengutip semula tunggakan pinjaman tersebut.
4. PR-1223-L34369
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha-usaha terbaru yang dijalankan oleh Kerajaan dalam menstabilkan harga getah dan kelapa sawit.
5. PR-1223-L33681
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan ekonomi negara setakat ini selepas langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan.

6. PR-1223-L34396
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap keselamatan MRR2 selepas kerja pembaikan dijalankan terhadap CFRP dipier 28 yang telah tercabut dan menyebabkan MRR2 terpaksa ditutup pada akhir 2008.
7. PR-1223-L33788
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai kontraktor atau usahawan bumiputera dan bukan bumiputera yang telah diberikan peluang untuk melaksanakan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi satu dan dua dan apakah nilainya.
8. PR-1223-L33339
Tuan Gobalkrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk melindungi hak asasi pekerja asing di Malaysia.
9. PR-1223-L34450
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana RTM mengawal program-program yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen, terutama sekali stesen televisyen swasta, benar-benar bermutu, berwibawa, bermotifkan pendidikan, hiburan pembina minda masyarakat yang bijaksana.
10. PR-1223-L33862
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pengiraan, formula dan KPI yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengisytiharkan bahawa kegawatan ekonomi Negara telah pun pulih dan berkembang sebagaimana sediakala.
11. PR-1223-L33275
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Cina di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan.
12. PR-1223-L33937
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuat semakan semula perjanjian konsesi dengan Syarikat PLUS agar kenaikan bayaran tol tidak membebankan rakyat.
13. PR-1223- T33629
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan bagi mengurangkan nisbah seorang anggota polis mengawasi 6,000 penduduk untuk mengurangkan kadar jenayah.

14. PR-1223-L34567
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pemegang kad pengenalan merah setakat ini dan berapa peratus dari jumlah tersebut akan diberi kad pengenalan biru dalam tempoh masa satu tahun.
15. PR-1223-L34982
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa selama ini Petronas adalah penyumbang utama kepada lebih dari RM50 bilion setahun bagi peruntukan pembangunan negara. Adakah benar bahawa peratus sumbangan cukai kepada Negara oleh pelabur-pelabur asing (FDI) adalah rendah daripada sumbangan dari pelabur-pelabur tempatan.
16. PR-1223-L33455
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kementerian bercadang untuk memastikan bahawa peruntukan RM100 juta Saham Dana Yayasan diberikan kepada golongan sasaran yang miskin dan yang memerlukan di kawasan bandar terutama sekali di Sabah dan Tawau; dan
 - (b) apakah mekanisme di bawah Dana Yayasan yang beroperasi untuk membantu golongan miskin bandar.
17. PR-1223-L33065
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu kita mengkaji semula peranan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Mengapa tidak diadakan 'Intelligent Unit' di setiap Kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab yang sama.
18. PR-1223-L33929
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang seharusnya dikenakan terhadap mereka yang cuba mencetuskan ketegangan kaum di negara ini dan senaraikan tindakan-tindakan yang boleh dikategorikan sebagai mencetus ketegangan kaum.
19. PR-1223-L34725
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan di bawah gagasan 1Malaysia bercadang untuk memberi insentif berbentuk peruntukan kepada rakyat Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi membolehkan golongan kurang mampu ini bersaing dan meningkat di dalam bidang perniagaan.

20. PR-1223-L34419
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapakah peratusan kadar guna tanah milik Lembaga Kelantan Selatan (KESEDAR) ; dan
 - (b) berapakah status laporan serta laporan setakat ini kepada projek agropolitan di Kelantan yang membabitkan peruntukan RM148 juta.
21. PR-1223-L34700
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam jawapan YB Menteri pada 30 Jun 2009, soalan 60 sebanyak 21 juta ringgit telah dibelanjakan untuk pembayaran gaji pekerja sambilan dalam projek CARI yang berjaya mengenal pasti 84,486 orang penerima dengan sumbangan sebanyak 20.1 juta ringgit. Tidakkah ini satu pembaziran, lebih lagi wakil-wakil rakyat dari Pakatan Rakyat boleh memberi perkhidmatan menCARI ini dengan percuma.
22. PR-1223-L34278
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bukti keberkesanan vaksin HPV untuk anti kanser serviks dan apakah kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian ke atas populasi Malaysia setakat ini untuk menjustifikasikan pemberian pelalian kepada pelajar-pelajar perempuan dengan vaksin tersebut.
23. PR-1223-L34789
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan melalui Khazanah Nasional menjual pegangan saham mereka sebanyak 5% dalam Malaysia Airports Holdings Berhad dan apakah trend ini akan berterusan pada syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang lain.
24. PR-1223-L33711
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah penilaian laporan-laporan antarabangsa terhadap penerapan amalan dan prinsip hak asasi manusia di Malaysia sepanjang penglibatan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia pada penggal 2006-Jun 2009 yang lalu.
25. PR-1223-L34925
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apa dan bagaimana Dasar Pembangunan Belia Negara yang dapat melahirkan golongan belia negara yang berketerampilan tinggi, berkeyakinan dan mempunyai daya saing yang kuat untuk menghadapi cabaran semasa.

26. PR-1223-L34530
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah "homestay" mengikut pecahan daerah; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperkenalkan kepada pengunjung di peringkat tempatan dan antarabangsa.
27. PR-1223-L34883
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk merundingkan semula perjanjian konsesi yang dimeterainya, contohnya dengan syarat konsesi lebuhraya ataupun dengan pembekal tenaga bebas IPP kerana perjanjian sedia ada terlalu memihak kepada satu pihak dan bertentangan dengan kepentingan awam.
28. PR-1223-L34193
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah segera untuk memastikan setiap pili bomba di setiap unit perumahan kelolaan DBKL berfungsi supaya langkah awal dapat diambil ketika berlaku kecemasan atau kebakaran.
29. PR-1223-L33831
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk membolehkan sistem perbankan negara menawarkan pelbagai pakej mikro kredit kepada pengusaha kecil dan sederhana yang memerlukan modal untuk menjalankan perniagaan. Untuk tujuan ini, adakah Kementerian bercadang menubuhkan satu institusi kewangan khas yang mengendalikan mikro kredit kepada mereka yang memerlukan bantuan kewangan.
30. PR-1223-L33757
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah punca utama Malaysia mengalami kemerosotan kemasukan pelaburan asing dan terangkan langkah-langkah diambil Kerajaan dalam menangani keadaan ini.
31. PR-1223-L33572
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat untuk mewujudkan Eco Komuniti Konsep bersama dengan Green Manufacturing Hub.

32. PR-1223-L34513
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan sempadan kita dengan Kalimantan Indonesia mudah dibolosi kerana terdapat banyak jalan-jalan tikus/gajah, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membina pagar keselamatan/tembok di sepanjang sempadan Malaysia-Kalimantan Indonesia
33. PR-1223-L33947
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada jalan utama Gua Musang ke Kota Bharu akan dinaik taraf menjadi empat lorong berikutan jumlah kemalangan yang tinggi.
34. PR-1223-L34194
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan sama ada isu 'pelarian' atau 'refugees' di Sabah akan diselesaikan untuk menandatangani Surat Konvensi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai dengan Pelarian.
35. PR-1223-L34997
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan projek membaik pulih projek-projek perumahan yang terbengkalai hingga setakat ini di seluruh negara.
36. PR-1223-L33571
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan pada Bajet ke-2010 untuk membolehkan negeri Pulau Pinang melaksanakan pemulihan di Tapak Warisan Sedunia.
37. PR-1223-L34802
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan industri takaful di Malaysia mematuhi piawaian syariat Islam.
38. PR-1223-L34683
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab peratusan kematian akibat influenza A H1N1 yang tinggi di Malaysia (77 kematian pada 27 September 09) iaitu hampir 20 peratus jumlah kematian di Asia Tenggara (sekitar bulan September 09).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 32/2009) Rang Undang-undang Perbekalan 2010 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (4 November 2009)”**.

DAN

Usul dibuat oleh **YAB. Menteri Kewangan** dan Masalah dicadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion dua ratus sembilan belas juta enam ratus lima puluh tujuh ribu ringgit (RM53,219,657,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2010, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2010, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2009, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (4 November 2009)

2. (D.R. 30/2008) Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (22 Oktober 2009)”**.

(Perdana Menteri)

3. (D.R. 24/2009) Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009. **Bacaan Kali Yang Kedua**

(Kementerian Kewangan)

4. (D.R. 25/2009) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009. “

(Kementerian Kewangan)

5. (D.R. 30/2009) Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009. “

(Kementerian Kewangan)

6. (D.R. 31/2009) Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009. “
(Kementerian Kewangan)
7. (D.R. 29/2009) Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2009. “
(Kementerian Kewangan)
8. (D.R. 27/2009) Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009. “
(Kementerian Kewangan)
9. (D.R. 26/2009) Rang Undang-undang Yayasan Labuan 2009. “
(Kementerian Kewangan)
10. (D.R. 23/2009) Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan 2009. “
(Kementerian Kewangan)
11. (D.R. 28/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2009. “
(Kementerian Kewangan)
12. (D.R. 14/2009) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2009. “
(Kementerian Kewangan)
13. (D.R. 33/2009) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2009. “
(Kementerian Kewangan)
14. (D.R. 34/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2009. “
(Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air)

15. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4) Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai 15 Jun 2010".

16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 4 (b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM64,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) yang diterima di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61) bagi maksud Kumpulan Wang tersebut".

17. PR-1223-U33693

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun peratusan pengundi yang keluar mengundi pada setiap kali diadakan pilihan raya sama ada pilihan raya kecil ataupun pilihan raya umum, peratusan ini masih boleh ditingkatkan lagi. Ini berdasarkan dengan kajian yang telah dibuat di luar negara kerana kebanyakan rakyat tidak keluar mengundi disebabkan kekangan masa atau *time constraints*. Dan mengambil maklum bahawa dengan kemajuan teknologi, negara hendaklah memanfaatkan kemajuan ini ke peringkat maksimum yakni dengan memperkenalkan e-undi atau pun mengundi secara *online*. Penggunaan ICT juga boleh mengurangkan penyelewengan ataupun manipulasi seperti yang didakwa oleh pihak tertentu. Ini dapat diatasi dengan sistem ICT yang mengutamakan ciri keselamatan seperti penggunaan cap jari elektronik, bio-metrik dan pengimbas iris mata. Dan mengambil maklum bahawa selain daripada ciri keselamatan, e-undi juga boleh membenarkan rakyat mengundi dari mana-mana pelosok dunia ini sama ada dari pejabat, rumah dan lain-lain tempat tanpa hadir secara fizikal di pusat pengundian, di mana beliau didaftar sebagai pemilih. Ini tentu sekali akan dapat mengurangkan kos bagi pemilih tersebut. Bagi pihak Kerajaan pula, pihak Suruhanjaya Pilihan raya akan dapat mengurangkan kos dari segi cetakan kertas undi dan sebagainya selain dapat menjalankan pemilihan yang lebih efisien dan telus. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk melaksanakan e-undi bagi pilihan raya yang akan datang".

(Perdana Menteri)

18. PR-1223-U33694

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa toleransi kaum dan agama masih rendah di kalangan rakyat di negara ini. Perbuatan seperti caci mencaci, ekspresi muka, bahasa isyarat dan memandang rendah seseorang masih berleluasa di kalangan segelintir masyarakat terutama sekali di kalangan mereka yang tidak seagama, sebangsa, secerdik dan sekedudukan dengan mereka. Dan mengambil maklum bahawa ketegangan kaum dan agama juga kian menebal di negara ini disebabkan oleh ketidakpuasan hati sesetengah kaum atau penganut agama ke atas layanan yang diterima. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas (Task Force) atau Inter-faith Committee bagi menangani masalah ini. Keanggotaan Task Force ini hendaklah diwakili oleh didominasi agama yang terdapat di negara ini, parti politik kerajaan dan bukan kerajaan".

(Perdana Menteri)

19. PR-1223-U33698

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa polarisasi kaum masih timbul di negara ini. Dan mengambil maklum bahawa masalah polarisasi ini berlaku kerana kekurangan pemahaman dan pergaulan antara kaum di negara ini dan ini berlaku kerana masyarakat kebanyakannya hidup berkelompok mengikut kaum mereka sendiri. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendidikan negara boleh dan dapat memainkan peranan penting untuk mengatasi masalah ini. Ini boleh dilakukan melalui penerapan nilai-nilai murni 1Malaysia dalam sistem pendidikan negara bermula daripada peringkat pra-sekolah hinggalah ke peringkat universiti. Sistem negara juga haruslah menggalakkan murid-murid untuk mengambil mata pelajaran bukan bahasa ibunda mereka supaya melalui pertuturan, mereka bukan sahaja dapat menguasai bahasa lain, mereka juga dapat memahami sensitiviti kaum lain melalui bahasa yang mereka pelajari. Selaras dengan slogan Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa *Malaysia-One People* Sistem Pendidikan Negara dapat memainkan peranan penting dalam membentuk 1Malaysia. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu Dasar Pendidikan Negara yang menekankan pembentukan rakyat Malaysia".

(Menteri Pelajaran)

20. PR-1223-U33701
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masih terdapat ramai lagi rakyat Malaysia dari kalangan Orang Asli, Murut, Dusun dan *Indigenous People* yang masih bergantung kepada hasil dan sumber hutan untuk kehidupan harian mereka. Dan mengambil maklum bahawa kumpulan ini merupakan masyarakat yang terpinggir dari arus pembangunan dan hidup dalam keadaan serba kekurangan dan daif. Dan mengambil maklum bahawa kebanyakan program ataupun usaha Kerajaan untuk membawa pembangunan kepada semua rakyat Malaysia, tidak sampai kepada mereka disebabkan oleh beberapa faktor. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas (Task Force) bagi menangani masalah ini dengan kuasa spesifik untuk mempercepatkan penyerapan mereka ini dalam masyarakat negara ini, seperti dalam kawasan pembangunan koridor dan sebagainya".

(Perdana Menteri)

21. PR-1223-U33714
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kebanyakan sungai di negara ini telah dicemari dan sebilangan sungai telah pun dikategorikan sebagai sungai mati. Dan mengambil maklum bahawa kebanyakan sungai ini merupakan nadi kepada bekalan air mentah negara. Dan mengambil maklum bahawa pencemaran ini sering dilakukan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab terutama sekali mereka yang tinggal di tebing sungai dan setinggian. Aktiviti komersial, seperti perladangan juga telah menambah pencemaran sungai kita. Aliran air tidak terawat daripada kawasan perumahan dan kedai komersial seperti restoran, telah memburukkan lagi keadaan ini. Agensi Kerajaan seperti hospital juga tidak ketinggalan dalam mencemarkan sungai kita. Kegiatan pembangunan seperti penimbunan tanah dan pembinaan yang tidak mengikut laporan EIA juga menyumbang kepada pencemaran ini. Dan mengambil maklum juga bahawa sekiranya tidak ada langkah drastik yang diambil bagi mengatasi masalah pencemaran sungai ini, air yang dialirkan oleh sungai kita akan memusnahkan hidupan akuatik negara dan sekali gus kita akan kehilangan pendapatan akuatik yang mana melibatkan golongan nelayan secara langsung dan kita sebagai pengguna secara tidak langsung. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu Dasar Sungai Negara supaya semua sungai di negara ini diwartakan untuk dilindungi, sebagaimana sistem tagal di negeri Sabah, di mana semua orang ramai termasuklah NGO dipertanggungjawabkan untuk memulihara sungai tersebut".

(Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar)

22. PR-1223-U34905

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan prestasi pelaksanaan Pelan Integriti Nasional. Bahawa Dewan juga hendak mendebatkan setakat mana amalan politik di negara ini berteraskan kepada integriti dan kebudayaan politik sihat, beretika dan demokratik".

(Perdana Menteri)

23. PR-1223-U34907

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan implikasi dan konsekuensi perubahan iklim khasnya selepas Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkara ini. Bahawa Dewan juga hendak mengetahui kesan-kesan perubahan iklim ke atas Malaysia dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai '*Carbon Neutral*'".

(Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar)

24. PR-1223-U34270

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

25. PR-1223-U34273

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

26. PR-1223-U33090
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincang dan menetapkan dalam apa jua urusan pentadbiran serta tata bahasa yang ada kaitan dengan pentadbiran Kerajaan Pusat atau Negeri supaya semua perjawatan dinyatakan dengan semua suku kaum dalam borang-borang pentadbiran haruslah juga dicatatkan kaum Bumiputera Sabah/Sarawak dengan catatan etnik-etnik bangsa yang berkenaan".
- (Perdana Menteri)**
27. PR-1223-U33093
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya mengenai status kedudukan atau menetapkan satu dasar/formula agar penyandang-penyandang jawatan dalam jabatan Kerajaan Persekutuan di setiap negeri seharusnya diberi keutamaan kepada orang tempatan serta sekurang-kurangnya lebih daripada separuh penjawat tersebut haruslah disandang oleh mereka dari negeri masing-masing untuk mengelakkan pembaziran elaun perumahan".
- (Perdana Menteri)**
28. PR-1223-U33096
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil perhatian secara serius serta tindakan lanjut mengenai pendaftaran dokumen individu berkaitan dengan daftar kelahiran/lewat. daftar kad pengenalan serta daftar pengiktirafan kerakyatan khasnya di Sabah dan membentuk satu badan jawatankuasa khas dalam jabatan untuk meneliti dan menghalusi setiap permohonan serta pendaftaran bagi maksud sedemikian".
- (Menteri Dalam Negeri)**
29. PR-1223-U33097
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincang dan menetapkan untuk mengukuhkan kestabilan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan agar Dakwat Kekal pada pilihan raya pada masa hadapan diguna pakai untuk mengelakkan keraguan, kebimbangan serta tidak percaya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya serta penguatkuasaan undang-undang yang tidak meyakinkan diri terhadap perlaksanaan Dakwat Kekal tersebut seperti apa yang berlaku dalam Pilihan raya ke-12 di mana jutaan ringgit telah dibelanjakan tetapi kini menghampakan rakyat jelata".
- (Perdana Menteri)**

30. PR-1223-U34568

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan memenuhi tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat”.

(Perdana Menteri)

31. PR-1223-U34570

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan yang mulia ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium Memorial Kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa”.

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

32. PR-1223-U33446

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar ke sekolah ini”.

(Menteri Pelajaran)

33. PR-1223-U33447

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan mengambil satu ketetapan dan mendesak Kerajaan untuk menubuhkan dana pemberhentian (retrenchment fund) dengan serta merta”.

(Menteri Sumber Manusia)

34. PR-1223-U33448

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Menteri Sumber Manusia mengkaji dan mengambil insentif untuk menghidupkan semula Akta South Indian Labour Fund yang telah dibubarkan pada tahun 1999".

(Menteri Sumber Manusia)

35. PR-1223-U33700

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] akan mencadangkan:-

"Bahawa, memandangkan- Rancangan pembinaan rumah pangsa telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sebagai suatu kaedah utama dalam menangani masalah kekurangan rumah di Malaysia dan setakat ini beribu-ribu keluarga berpendapatan rendah dan sederhana sedang menduduki rumah-rumah pangsa dan rendah;dan-Sistem pengurusan banyak rumah pangsa kos rendah dan sederhana adalah amat kurang memuaskan. Antara sebab utamanya adalah ketidakupayaan badan pengurusan mengutip yuran pengurusan daripada semua pemilik unit;dan- Keadaan rumah-rumah pangsa yang tidak bersih dan dijaga dengan sempurna sedang menjejaskan keselamatan dan kesihatan beratus-ratus keluarga berpendapatan rendah di Malaysia;Dewan ini mengesyorkan suatu tempoh masa harus diperuntukkan untuk membincangkan cara-cara mengatasi masalah pengurusan rumah-rumah pangsa termasuk:-1. Penubuhan suatu agensi khas untuk memantau pengurusan rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana di Malaysia.2. Mewajibkan Majlis Perbandaran mengambil alih pengurusan rumah-rumah pangsa di kawasan Majlis itu yang tidak dijaga dengan betul.3. Memperuntukkan suatu dana khas yang mencukupi supaya membolehkan Majlis Perbandaran memulihkan rumah-rumah pangsa yang tidak diurus dengan sempurna.4. Pengutipan yuran pengurusan diambil alih oleh Majlis Perbandaran dengan menjadikannya sebahagian pada cukai taksiran dengan syarat cukai taksiran untuk seunit rumah pangsa tidak melebihi cukai taksiran untuk rumah-rumah kos rendah di bandar itu".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

36. PR-1223-U33704

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya." "Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwa Raya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputar belit dan disalah tafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi".

(Perdana Menteri)

37. PR-1223-U33712

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan) Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syarak hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syarak' syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban di sekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, pelaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syarak dan lain-lain".

(Perdana Menteri)

38. PR-1223-U33748

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan) tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya.** Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah Sivil di mana dalam kes terbaru melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih lagi mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fardu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukkan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi".

(Perdana Menteri)

39. PR-1223-U33767

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2(1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut: '...tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut; 'dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syarak' dan undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/atau perintah yang dikeluarkannya'.

Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syarak' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/atau perintah yang dikeluarkan. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam".

(Perdana Menteri)

40. PR-1223-U33783

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan daripada muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 19 pada 6hb-8hb Oktober 1987 dan mengambil langkah serta-merta memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara sempena Hari Pahlawan, Hari Angkatan Tentera, Hari Polis dan lain-lain hari peringatan atau apa jua upacara rasmi dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik".

(Perdana Menteri)

41. PR-1223-U33785

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja.

Selanjutnya Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidang kuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasakan dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/atau mempertikaikan fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)".

(Perdana Menteri)

42. PR-1223-U33794

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai 'Jawatankuasa Caucus bagi Palestin' dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak rejim Zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmuqaddis sebagai ibu negeri Negara Islam Palestin".

(Perdana Menteri)

43. PR-1223-U33802

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dan umat Islam dalam negara sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan hak-hak umat Islam dan menamakan badan ini sebagai 'Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam' dengan melantik Y B Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut".

(Perdana Menteri)

44. PR-1223-U33843

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India".

(Menteri Dalam Negeri)

45. PR-1223-U33845

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukkan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah termaktub segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut".

(Menteri Pelajaran)

46. PR-1223-U33850

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan".

(Perdana Menteri)

47. PR-1223-U33855

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta".

(Menteri Dalam Negeri)

48. PR-1223-U33976

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian/ pakaian seragam yang mematuhi hukum syarak' sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airline, Royal Brunei Airline dan lain-lain".

(Menteri Pengangkutan)

49. PR-1223-U33978

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain".

(Menteri Pengangkutan)

50. PR-1223-U33979

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11), KK Mart dan lain-lain kedai serbaneka dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi di mana remaja dan belia Melayu beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlak dan bermoral”.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan)

51. PR-1223-U33980

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat Kastari dan jika pihak Kerajaan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah Sivil yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa menahan mana-mana individu tanpa perbicaraan dan hak membela diri adalah bercanggah dengan hukum syarak’ dan undang-undang Islam, apatah lagi terdapat undang-undang lain yang mencukupi untuk menangani permasalahan perundangan yang ada bagi hal-hal yang menjejaskan keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara”.

(Menteri Dalam Negeri)

52. PR-1223-U33981

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang di buat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri & Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

(Perdana Menteri)

53. PR-1223-U33982

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim”.

(Menteri Sumber Manusia)

54. PR-1223-U33984
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri supaya segera mengadakan siasatan terhadap kumpulan yang melabel diri mereka sebagai “Sisters in Islam” yang tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan oleh itu terletak di luar bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan tetapi sebaliknya dan yang sebenarnya adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan nama SiS Forum Malaysia Sdn. Bhd. tetapi bergerak sebagai NGO yang aktivitiinya dikhuatiri bertentangan dengan syariat Islam dan menyiasat bagaimana kumpulan ini dibenarkan melabel diri mereka dengan label “Islam” sedangkan nama pendaftarannya tidak tercatat sedemikian, dan sekiranya merujuk kumpulan ini serta anggota Lembaga Pengarah dan kumpulan pengurusannya ke Majlis Fatwa Kebangsaan dan mana-mana pihak berkuasa Islam untuk siasatan lanjut, dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kementerian Dalam Negeri menyiasat sumber dana kumpulan ini yang menurut maklumat yang ada kumpulan ini mendapat bantuan dana dan pembiayaan antaranya daripada pertubuhan bukan Islam seperti Yayasan Rockefeller (sebuah yayasan Yahudi) daripada Amerika Syarikat dan Konrad Adreneur daripada German (sebuah yayasan yang dikuasai oleh Parti Kristian Demokrat German) ”.

(Menteri Dalam Negeri)

55. PR-1223-U33985
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun; selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syarak’ dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman si mati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan di dalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa tersebut ”.

(Menteri Kewangan)

56. PR-1223-U33986

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki, Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam syllabus latihan kepada pelatih-pelatih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajud dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid berhampiran kem PLKN yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhuwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkukuhkan dan memperkuat aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN”.

(Menteri Pertahanan)

57. PR-1223-U33987

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri Pengangkutan supaya diadakan koc-koc dan gerabak-gerabak khas di perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu (termasuk komuter, perkhidmatan antara bandar) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra) bagi “Wanita Sahaja” ini adalah untuk memberi pilihan kepada penumpang wanita membuat pilihan untuk menaiki koc dan gerabak khas untuk wanita sahaja termasuk bagi koc berkatil kerana banyak aduan diterima di mana penumpang wanita di perkhidmatan KTMB dan LRT mengadu mereka diraba, dicabul dan diganggu dengan gangguan seksual semasa menggunakan perkhidmatan ini terutama di waktu puncak. Oleh itu untuk keselesaan dan keselamatan penumpang wanita, Dewan mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya segera mengkaji dengan tujuan melaksanakan skim koc dan gerabak “Khas Untuk Wanita Sahaja” bagi perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu (termasuk komuter, perkhidmatan antara bandar) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra)”.

(Menteri Pengangkutan)

58. PR-1223-U33989

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/atau tempat pelaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/atau tempat pelaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Sukarno baru-baru ini. Dewan mengambil perhatian bahawa pelaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil; selanjutnya”. Dewan mengambil ketetapan mengecam dan mengutuk mereka yang mempertikai dan memperlekehkan hukuman rotan yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan ke atas Kartika Sari Dewi Syukarno pada 20.07.2009 termasuk Majlis Peguam Malaysia, Sis Forum Malaysia Sdn. Bhd., Tun Dr. Mahathir Mohamad dan lain-lain individu dan NGO kerana hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan itu adalah sah dan menurut peruntukkan Perlembagaan Persekutuan khususnya Artikel 74 dan Jadual 9 Senarai II dan juga menurut Enakmen Prosedur Jenayah Syariah dan oleh itu sebarang tindakan mempertikaikan hukuman tersebut serta pelaksanaannya dengan melabelnya sebagai “tidak berperikemanusiaan, zalim, tidak bertamadun dan barbaric” adalah merupakan suatu penghinaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan tersebut dan tindakan tegas dan keras termasuk siasatan dan pendakwaan menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau mana-mana lain undang-undang yang ada hendaklah segera diambil”.

(Menteri Dalam Negeri)

59. PR-1223-U33990

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengarahkan Pendakwa Raya Syarie, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya menyegerakan perbincangan dan pendakwaan kes aduan qazaf yang dibuat oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim terhadap Mohd. Saiful Bukhari yang telah lama tergantung tanpa sebarang tindakan memandangkan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah bersedia pada bila-bila masa untuk membicarakan kes tersebut”.

(Perdana Menteri)

60. PR-1223-U33401
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja untuk menyiasat masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum peribumi Penan di Sarawak di mana sejak kebelakangan ini wujudnya dakwaan bahawa wanita-wanita serta gadis-gadis bawah umur dari kaum ini menjadi mangsa perogolan dan jenayah seks yang dilakukan oleh pekerja-pekerja industri pembalakan".

(Perdana Menteri)

61. PR-1223-U33415
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kementerian Pengajian Tinggi untuk sentiasa memantau dan mengadakan siasatan terhadap masalah plagiat (plagiarism) yang semakin berleluasa di kalangan ahli-ahli akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan juga swasta memandangkan masalah ini menjadi satu jenayah akademik yang serius dan tidak beretika".

(Menteri Pengajian Tinggi)

62. PR-1223-U33420
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengimplementasikan peraturan-peraturan yang efektif demi memastikan bayaran penyelenggaraan bagi projek-projek perumahan terutamanya projek-projek rumah kos rendah adalah dikutip tanpa sebarang halangan dan bayaran penyelenggaraan ini digunakan secara efisien untuk penduduk-penduduk di projek-projek tersebut".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

63. PR-1223-U34072
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa satu petugas khas harus diwujudkan segera untuk menyelaraskan pelbagai usaha dalam bidang Kajian Perubahan Iklim dan Pemanasan Global, serta bidang penerapan teknologi hijau dalam perniagaan hijau (green business) yang sedang dijalankan di berbagai-bagai Kementerian, Jabatan dan Cendekiawan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan agar Malaysia dapat menandingi inisiatif-inisiatif seumpamanya yang sedang berlangsung pada peringkat antarabangsa".

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

64. PR-1223-U34075

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa laporan mengenai gadis-gadis sunti keturunan Penan di kawasan Baram, Sarawak, yang terdedah kepada ancaman rogol, pencabulan kehormatan dan seksaan seksual oleh pengusaha-pengusaha kayu balak harus diberi prihatin dengan kadar segera, termasuk jaminan pihak berkuasa supaya keselamatan mereka tetap terpelihara dan mereka yang melakukan perbuatan jenayah terhadap penduduk-penduduk muda Penan ini wajib dikenakan hukuman yang setimpal".

(Menteri Dalam Negeri)

65. PR-1223-U34985

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu menjawab pelbagai spekulasi".

(Perdana Menteri)

66. PR-1223-U34986

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengkaji semula undang-undang yang berhubung dengan pengangkutan jalan raya dan menumpukan kepada penguatkuasaan undang-undang jalan raya berbanding dengan anggota polis trafik memandangkan terlalu banyak kesalahan undang-undang dilakukan disebabkan kekurangan penguatkuasaan".

(Menteri Pengangkutan)

67. PR-1223-U34988

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap ke semua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut".

(Menteri Luar Negeri)

68. PR-1223-U34468

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menghentikan siasatan kebocoran kertas Kabinet berkaitan isu PKFZ dan mengisytiharkan dokumen tersebut bukan lagi di bawah OSA memandangkan isi dokumen tersebut bukannya mengandungi isu keselamatan dan pertahanan negara sebaliknya ia menyentuh isu penyalahgunaan kuasa-kuasa Kabinet yang menyebabkan berlakunya skandal PKFZ. Jika Kerajaan mengamalkan prinsip integriti yang tinggi, rakyat sewajarnya diberi peluang untuk mengetahui dan memiliki secara bebas dokumen tersebut".

(Menteri Dalam Negeri)

69. PR-1223-U34502

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mewakili rakyat Malaysia merakamkan kekesalan yang amat sangat atas keengganan Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat skandal PKFZ sebaliknya Kerajaan dilihat cuba untuk menutup skandal ini dan melindungi pemimpin politik UMNO/BN. Sekali lagi Kerajaan dituntut demi kepentingan negara dan rakyat perlu segera menubuhkan Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyiasat secara keseluruhan skandal PKFZ yang merupakan skandal terburuk negara yang menelan wang rakyat bernilai RM12 bilion".

(Perdana Menteri)